

21 MAY 2003

PAKEJ-BPM (REAKSI)

PEKEBUN KECIL AKAN DAPAT MANFAAT DI BAWAH SKIM KREDIT MIKRO

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Pekebun-pekebun kecil terutamanya pekebun kecil yang bermasalah boleh mengharapkan untuk mendapat pinjaman melalui skim kredit mikro di bawah pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion dalam masa paling singkat yang mungkin.

Ini dimungkinkan oleh keazaman Bank Pertanian Malaysia untuk mengeluarkan dana sebanyak RM500 juta bagi skim kredit mikro secepat mungkin.

"Kami yakin untuk menjalankan tanggung jawab dalam tempoh kritikal ini dan membantu negara membangun pantas dalam masa yang sukar sekarang," kata pengurus besar Bank Pertanian, Datuk Mohd Rosli Abdul Aziz semasa dihubungi di sini hari ini.

Katanya Bank Pertanian percaya bahawa peruntukan itu akan direbut oleh "sektor kecil ekonomi" terutamanya pekebun kecil memandangkan ketiadaan tabung yang serupa.

Bank Pertanian, yang disokong oleh pengalamannya memberi pinjaman kurang RM50,000 yang terdiri daripada kira-kira 75 peratus daripada portfolio pinjamannya, akan dapat memberikan perkhidmatan yang murni itu sekali lagi bagi skim kredit mikro itu untuk membantu ekonomi berkembang.

"Pada masa lalu, tidak banyak penekanan diberikan ke atas kemudahan kredit mikro seumpama itu. Memang, langkah kerajaan ini akan amat dialu-alukan oleh rakyat kecil," katanya.

Semasa mengumumkan pakej rangsangan itu hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa dana RM1 bilion itu akan diperuntukkan sebagai kredit mikro bagi peniaga-peniaga dan industri-industri kecil.

Daripada jumlah itu, RM500 juta akan diperuntukkan di bawah Bank Pertanian.

Di bawah skim itu, kadar faedahnya ialah 4.0 peratus dengan tidak memerlukan cagaran tetapi berasaskan kepada pensekuritian aliran tunai, jadual pembayaran balik menurut viabiliti aliran tunai.

Mohd Rosli berkata dana itu akan membantu pekebun kecil mengeluarkan hasil tanaman yang lebih baik dan meningkatkan pulangan.

Katanya "rakyat kecil" adalah sama pentingnya dengan peniaga-peniaga besar kerana bilangan mereka yang agak besar yang juga menjana aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini.

Mohd Rosli memuji kerajaan kerana mempunyai kepercayaan terhadap bank itu untuk menguruskan tabung itu dengan cekap. -- BERNAMA

TNS LES KTC OS